www.jbg.gov.my
www.facebook.com/jabatanbantuanguaman

GARIS PANDUAN UMUM

PROGRAM LATIHAN INDUSTRI

GARIS PANDUAN UMUM PROGRAM LATIHAN INDUSTRI

ISI KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN 1

2. DEFINISI PROGRAM LATIHAN INDUSTRI 2

3. OBJEKTIF PROGRAM 2

4. HASIL PEMBELAJARAN/IMPAK PROGRAM 3

5. SKOP PROGRAM 3

6. TEMPOH PROGRAM 4

7. PENEMPATAN PROGRAM 4

8. BILANGAN PELAJAR PROGRAM 5

9. PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM 5

10. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN BANTUAN GUAMAN 6

11. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA PELAJAR 7

12. KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN PELAJAR 7

13. TATATERTIB DAN SALAH LAKU PELAJAR 8

14. ELAUN PELAJAR PROGRAM 9

15. PENUTUP 9

LAMPIRAN A: SKOP PROGRAM LATIHAN INDUSTRI JABATAN BANTUAN GUAMAN 10

LAMPIRAN B: REFLEKSI MINGGUAN 14

LAMPIRAN C: SENARAI ALAMAT JABATAN BANTUAN GUAMAN NEGERI DAN CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN 16

LAMPIRAN D: BILANGAN PELAJAR PROGRAM 20

1. PENDAHULUAN

Dalam dunia pekerjaan hari ini, para graduan perlu mempunyai kompetensi dan kemahiran pekerjaan untuk mereka berdaya saing dalam pasaran pekerjaan. Memiliki segulung ijazah semata-mata tidak mampu untuk menjamin pekerjaan seseorang. Sebaliknya, para graduan harus memiliki pengetahuan yang relevan dan terkini, pengalaman praktikal, kemahiran insaniah serta sikap yang positif untuk melengkapkan diri mereka sebelum berdepan dengan cabaran dunia kerjaya sebenar. Untuk meningkatkan tahap mampu kerja para graduan khususnya dalam jurusan undang-undang, Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman diperkenalkan untuk memperkasa kompetensi para pelajar sebelum pelajar meninggalkan alam pendidikan. Program Latihan Industri ini memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerimapengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasarannya (*marketability*).

Program Latihan Industri adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memenuhi syarat penganugerahan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Program Latihan Industri di Jabatan Bantuan Guaman akan dilaksanakan tertakluk kepada dasar-dasar semasa Kerajaan dan Jabatan Bantuan Guaman serta berlandaskan program-program yang telah ditetapkan oleh pihak IPT masing-masing.

2. DEFINISI PROGRAM LATIHAN INDUSTRI

Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman merujuk kepada penempatan pelajar dari sesebuah IPT dalam negara untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia oleh Jabatan Bantuan Guaman dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak IPT masing-masing.

3. OBJEKTIF PROGRAM

Objektif Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman ialah memberi peluang kepada pelajar untuk—

(i) memahami tanggungjawab alam pekerjaan dan menghayati nilai etika profesionalisme;

(ii) memperoleh pengalaman praktikal yang sesuai dengan bidang pengkhususan masing-masing;

(iii) mengasah kemahiran insaniah yang sesuai dengan alam pekerjaan yang sebenar;

(iv) meningkatkan kemahiran berkomunikasi;

(v) menilai kebolehan kerjaya, pengetahuan dan keyakinan diri pelajar; dan

(vi) mendapat kenalan profesional dan jalinan dengan industri.

4. HASIL PEMBELAJARAN / IMPAK PROGRAM

Selepas tamat tempoh Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman, pelajar akan memperoleh—

(i) peningkatan kompetensi dan daya saing dalam bidang pengkhususan masing-masing;

(ii) penggabungan pengalaman di tempat Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman dengan ilmu yang dipelajari di IPT;

(iii) pengharmonian teori dan pengetahuan akademik yang dipelajari oleh pelajar di IPT di Jabatan Bantuan Guaman; dan

(iv) penambahbaikan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan.

5. SKOP PROGRAM

Jabatan Bantuan Guaman telah menyusun dan menyediakan Skop Program Latihan Industri sepertimana **Lampiran A** bagi memastikan pelajar latihan industri ini mendapat ilmu dan perkongsian yang sewajarnya sepanjang menjalani Program Latihan Industri di Jabatan ini. Pelajar-pelajar Program Latihan Industri juga perlu mengisi borang refleksi mingguan dan penyelia kepada pelajar juga akan menyediakan laporan secara mingguan sepertimana **Lampiran B** (melainkan pihak IPT telah menyediakan formatnya yang tersendiri). Skop Program Latihan Industri ini akan berubah mengikut pengkhususan atau tempoh penempatan pelajar di sesuatu cawangan Jabatan Bantuan Guaman.

6. TEMPOH PROGRAM

Tempoh Program Latihan Industri di Jabatan Bantuan Guaman akan bergantung kepada tempoh yang ditetapkan oleh pihak IPT dengan persetujuan Jabatan ini dan/atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana Kementerian atau agensi yang bertanggungjawab dengan penganugerahan akreditasi.

7. PENEMPATAN PROGRAM

Pelajar boleh mengikuti Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman di mana-mana Jabatan Bantuan Guaman Negeri dan Cawangan Jabatan Bantuan Guaman di seluruh Malaysia sepertimana **Lampiran C.**

Pelajar tidak dibenarkan menukar tempat, tarikh dan tempoh Program Latihan Industri yang telah ditetapkan melainkan dengan kelulusan daripada IPT dan persetujuan daripada Jabatan Bantuan Guaman. Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan ini, sebarang permohonan penangguhan atau pertukaran tempat, tarikh dan tempoh latihan industri bolehlah dibuat secara bertulis oleh pelajar dan pihak IPT dan dikemukakan semula untuk kelulusan Jabatan Bantuan Guaman.

8. BILANGAN PELAJAR PROGRAM

Bilangan pelajar yang berbeza telah ditetapkan untuk mengikuti Program Latihan Industri pada satu-satu tempoh di Jabatan Bantuan Guaman Negeri dan Cawangan Jabatan Bantuan Guaman di seluruh Malaysia sepertimana di Lampiran D.

Penetapan bilangan pelajar ini adalah bagi memastikan setiap pelajar yang menjalani Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman mendapat perhatian yang secukupnya berhubung bidang latihan masing-masing di samping keupayaan cawangan untuk menempatkan pelajar dalam keadaan yang kondusif dan terkawal sepanjang tempoh Program tersebut berlangsung. Permohonan pelajar untuk mengikuti Program Latihan Industri di Jabatan Bantuan Guaman Negeri dan Cawangan Jabatan Bantuan Guaman pada satu tempoh adalah atas prinsip '*first come first serve'.*

9. PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM

Permohonan bagi menjalani Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman boleh dibuat melalui laman web Jabatan Bantuan Guaman di www.jbg.gov.my.

Bagi memohon penempatan untuk menjalani Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman, pelajar dikehendaki untuk mengemukakan dokumen berikut:

(i) surat permohonan penempatan Program Latihan Industri yang mengandungi maklumat diri serta latar belakang pengajian yang sedang diikuti di IPT;

(ii) gambar berukuran passport; dan

(iii) surat sokongan daripada IPT.

10. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN BANTUAN GUAMAN

Sepanjang tempoh pelajar menjalani Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman, peranan dan tanggungjawab Jabatan Bantuan Guaman adalah seperti yang berikut:

(i) menyediakan garis panduan pembelajaran sepanjang tempoh Program Latihan Industri;

(ii) melantik penyelia bagi pelajar yang menjalani Program Latihan Industri;

(iii) menempatkan pelajar di Cawangan/Bahagian/Seksyen/ Unit Jabatan Bantuan Guaman yang sesuai;

(iv) memastikan skop tugas pelajar adalah bersesuaian dengan bidang pengkhususan pelajar;

(v) memantau kemajuan pelajar dan memberi tunjuk ajar dan maklum balas yang sesuai secara dinamik;

(vi) menilai pelajar secara objektif di sepanjang tempoh Program Latihan Industri sesuai dengan skop tugas dan pengkhususan pelajar;

(vii) memberi maklum balas kepada penyelia IPT; dan

(viii) memaklumkan kepada pihak IPT sekiranya berlaku sebarang kes tatatertib atau salah laku pelajar.

11. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA PELAJAR

Sepanjang tempoh pelajar menjalani Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman, peranan dan tanggungjawab penyelia pelajar adalah seperti yang berikut:

(i) menyelia tugasan pelajar dan memberi maklum balas kepada pelajar; dan

(ii) menilai prestasi kerja pelajar di sepanjang Program Latihan Industri.

12. KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN PELAJAR

Pihak Jabatan Bantuan Guaman tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan atau kecederaan yang dialami oleh pelajar semasa menjalani Program Latihan Industri di Jabatan Bantuan Guaman. Sehubungan itu, setiap pelajar yang menjalani Program Latihan Industri di Jabatan Bantuan Guaman dinasihatkan untuk mengambil apa-apa polisi insurans yang bersesuaian semasa menjalani Program Latihan Industri tersebut.

13. TATATERTIB DAN SALAH LAKU PELAJAR

Sepanjang menjalani tempoh Program Latihan Industri, semua pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

Para pelajar juga dikehendaki mematuhi peraturan berikut semasa menjalani Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman, iaitu:

(i) mematuhi masa bekerja dan segala peraturan di Jabatan Bantuan Guaman sama seperti pekhidmat awam yang lain;

(ii) tidak mengambil cuti sepanjang masa menjalani Program Latihan Industri kecuali dengan kelulusan daripada pihak IPT berkaitan;

(iii) menghubungi pihak IPT dengan segera sekiranya tidak dapat hadir kerana kecemasan atau cuti sakit;

(iv) memaklumkan kepada penyelia pelajar sekiranya tidak dapat hadir atau perlu hadir lewat atas sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan;

(v) tidak membocorkan rahsia atau memberi maklumat sulit Jabatan Bantuan Guaman kepada mana-mana pihak yang lain semasa atau selepas menjalankan Program Latihan Industri;

(vi) tidak menyalahgunakan sebarang harta atau aset Jabatan Bantuan Guaman; dan

(vii) sentiasa berpakaian kemas dan sesuai dengan etika berpakaian seorang pekhidmat awam.

14. ELAUN PELAJAR PROGRAM

Dasar latihan industri IPT menggalakkan pihak industri/hos organisasi untuk memberikan elaun/imbuhan kepada para pelajar yang menjalani latihan industri. Walau bagaimanapun, Jabatan Bantuan Guaman tidak bertanggungjawab untuk memperuntukkan sebarang elaun/imbuhan kepada pelajar-pelajar Program Latihan Industri Jabatan Bantuan Guaman melainkan kelulusan peruntukan khusus bagi pelajar-pelajar yang menjalani Program Latihan Industri diperoleh pada tahun yang berkenaan.

15. PENUTUP

Program Latihan Industri diwajibkan untuk semua pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi sama ada di peringkat Sijil, Diploma mahu pun Sarjana Muda, supaya pelajar mempunyai daya saing yang lebih tinggi di pasaran pekerjaan. Dengan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh semasa menjalani Program Latihan Industri di Jabatan Bantuan Guaman diharapkan para pelajar akan lebih bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan selepas tamat pengajian kelak.

LAMPIRAN A

SKOP PROGRAM LATIHAN INDUSTRI
JABATAN BANTUAN GUAMAN

SESI 1	➢ Sesi suai kenal ➢ Pengenalan kepada Jabatan Bantuan Guaman dan undang-undang yang berkaitan khususnya Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] ➢ Pengenalan kepada bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman dan tugas pegawai di Jabatan Bantuan Guaman ➢ Pendedahan kepada bidang kuasa mahkamah Sivil dan mahkamah Syariah.
SESI 2	➢ Penempatan pelajar di bahagian kaunter bagi tujuan pemerhatian ke atas urusan yang dikendalikan di kaunter Jabatan Bantuan Guaman seperti yang berikut: • pendaftaran pelanggan • pengurusan dokumen pelanggan • proses penerimaan wang

	➢ Pendedahan pelajar kepada pengurusan pelanggan di kaunter Jabatan Bantuan Guaman dari aspek yang berikut: • melalui telefon • secara *'walk-in'* • secara janji temu ➢ Pendedahan pelajar kepada borang khidmat nasihat, borang ujian kemampuan dan borang maklum balas pelanggan
SESI 3	Pengenalan dan pendedahan kepada urusan khidmat nasihat guaman sivil, jenayah dan Syariah di bawah Akta 26
SESI 4	**Pengendalian kes di Mahkamah Sivil** ➢ Litigasi Sivil • Pengenalan kepada bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman dalam kes Sivil- • Pendedahan kepada prosedur tuntutan di mahkamah Sivil • Pendedahan kepada pengendalian sebutan, permohonan dan bicara kes di mahkamah Sivil ➢ Pliding/dokumen kes Sivil • Pendedahan kepada penyediaan pliding/ dokumen dalam litigasi sivil di Mahkamah Sivil

	➢ Hadir sebagai pemerhati dalam litigasi sivil di Mahkamah Sivil ➢ Pengendalian kes jenayah • Pengenalan kepada bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman dalam kes jenayah • Pendedahan kepada prosedur kes jenayah di mahkamah • Pendedahan kepada pengendalian sebutan kes di mahkamah • Pendedahan kepada penyediaan hujahan pengakuan salah ➢ Hadir sebagai pemerhati dalam prosiding jenayah di Mahkamah Sivil ➢ Pendedahan kepada ujian kemampuan dan sesi penyiasatan di bawah Akta 26
SESI 5	**Pengendalian kes di Mahkamah Syariah** ➢ Litigasi Syariah • Pengenalan kepada bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman dalam kes Syariah • Pendedahan kepada prosedur tuntutan di Mahkamah Syariah • Pendedahan kepada pengendalian sebutan, permohonan dan bicara kes di Mahkamah Syariah

	➢ Pliding/dokumen kes Syariah • Pendedahan kepada penyediaan pliding/ dokumen dalam litigasi Syariah di Mahkamah Syariah ➢ Hadir sebagai pemerhati dalam litigasi Syariah di mahkamah Syariah ➢ Pendedahan kepada ujian kemampuan dan sesi penyiasatan di bawah Akta 26
SESI 6	➢ Pendedahan kepada sidang pengantaraan kes Sivil dan Syariah di Jabatan Bantuan Guaman ➢ Pendedahan kepada Khidmat Pendamping Guaman di Jabatan Bantuan Guaman
SESI 7 DAN SESI SETERUSNYA	Mengulang aktiviti Sesi 2, Sesi 3, Sesi 4, Sesi 5 dan Sesi 6

Nota: Tempoh dan skop Program Latihan Industri ini akan berubah mengikut pengkhususan pelajar dan tempoh masa latihan industri yang ditetapkan oleh pihak IPT.

LAMPIRAN B

REFLEKSI MINGGUAN

MINGGU:

UNTUK DIISI OLEH PELAJAR
Aktiviti mingguan yang dijalankan (secara ringkas)
Pengetahuan/Kemahiran yang diperoleh sepanjang minggu

UNTUK DIISI OLEH JABATAN
Komen/Cadangan Penyelia ..... **Nama :** **Jawatan :** **Tarikh :**

LAMPIRAN C

JABATAN BANTUAN GUAMAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Tingkat 28, Menara TH Perdana Jalan Sultan Ismail 50250 KUALA LUMPUR No. Telefon: 03-2694 2700 No. Faks: 03-2694 0040	**JABATAN BANTUAN GUAMAN SELANGOR** Tingkat 6, Plaza Perangsang Persiaran Perbandaran 40000 Shah Alam SELANGOR No. Telefon: 03-5510 6192 / 5510 6298 No. Faks: 03-5519 0846
JABATAN BANTUAN GUAMAN NEGERI SEMBILAN Tingkat 7, Wisma Persekutuan Jalan Dato' Abdul Kadir 70000 Seremban NEGERI SEMBILAN No. Telefon : 06-763 0457 / 763 7230 No. Faks: 06-761 0380	**JABATAN BANTUAN GUAMAN MELAKA** Tingkat 6, Menara Persekutuan Jalan Persekutuan, MITC, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh MELAKA No. Telefon : 06-234 5277 / 234 5288 No. Faks : 06-234 5280
JABATAN BANTUAN GUAMAN JOHOR Lot L4-01, Tingkat 4 Menara Landmark No.12, Jalan Ngee Heng 80000 Johor Bahru JOHOR No Telefon : 07-223 4960 / 223 7073 No Faks : 07-224 7169	**JABATAN BANTUAN GUAMAN CAWANGAN MUAR** Lot 2, Tingkat Mezzanine Bangunan Muar Trade Centre No. 16, Jalan Petrie 84000 Muar JOHOR No Telefon : 06-952 2410 No Faks : 06-952 8153

JABATAN BANTUAN GUAMAN PAHANG Tingkat 8, Wisma Persekutuan Jalan Gambut 25000 Kuantan PAHANG No. Telefon : 09-516 1135 / 516 2639 No Faks : 09-515 7120	**JABATAN BANTUAN GUAMAN CAWANGAN RAUB** Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan, Jalan Tengku Abdul Samad 27600 Raub PAHANG No Telefon : 09-355 3677 No Faks : 09-355 7494
JABATAN BANTUAN GUAMAN TERENGGANU Aras 1, Wisma PERKESO Lot 2467, Jalan Air Jernih, 20538 Kuala Terengganu TERENGGANU No. Telefon : 09-620 3240 / 41 / 42 / 43 No. Faks : 09-620 3250	**JABATAN BANTUAN GUAMAN PULAU PINANG** Aras 4, Bangunan Gunasama Persekutuan Jalan Anson 10400 Georgetown PULAU PINANG No.Telefon : 04-210 9100 / 210 9107 / 210 9108 No. Faks: 04-228 7966
JABATAN BANTUAN GUAMAN KELANTAN Lot PT84 & PT85, Wisma Mustapha Seksyen 15, Jalan Sultanah Zainab 15050 Kota Bharu KELANTAN No. Telefon : 09-748 2548 No. Faks : 09-747 2615	**JABATAN BANTUAN GUAMAN CAWANGAN GUA MUSANG** Lot 6, Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Bandar Baru Gua Musang 18300 Gua Musang KELANTAN No. Telefon : 09-912 3688 No. Faks : 09-912 6988

JABATAN BANTUAN GUAMAN PERAK Tingkat Bawah, Blok A (A2) Bangunan Persekutuan Ipoh Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown) 30450 Ipoh PERAK No. Telefon : 05-254 4027 / 255 2240 No. Faks : 05-255 6007	**JABATAN BANTUAN GUAMAN CAWANGAN TAIPING** Tingkat 3, Wisma Persekutuan Jalan Istana Larut 34000 Taiping PERAK No. Telefon : 05-808 2701 / 806 9452 No. Faks : 05-806 3817
JABATAN BANTUAN GUAMAN KEDAH Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 06550 Bandar Muadzam Shah KEDAH No Telefon : 04-700 1553 No Faks: 04-732 7452	**JABATAN BANTUAN GUAMAN CAWANGAN LANGKAWI** Lot 10B & 11B, Tingkat Bawah Kompleks Cayman, Pekan Baru Kuah 07000 Langkawi KEDAH No Telefon : 04-969 8180 / 969 8183 No Faks : 04-969 8181
JABATAN BANTUAN GUAMAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN Tingkat 9(A), Blok 4 Menara Pejabat Ujana Kewangan Jalan Merdeka 87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN No. Telefon : 087-412 242 No. Faks : 087-411 531	**JABATAN BANTUAN GUAMAN SABAH** Aras 2, Menara MAA No. 6, Lorong Api-Api 1 Peti Surat 11319 88814 Kota Kinabalu SABAH No. Telefon : 088-488 434 No. Faks : 088-488 096

JABATAN BANTUAN GUAMAN PERLIS No. 8, 10 dan 12 Taman Temak Jaya Jalan Kangar-Alor Star 01000 Kangar PERLIS No. Telefon : 04-976 7739 No. Faks : 04-976 7790	**JABATAN BANTUAN GUAMAN SARAWAK** Tingkat 6, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga 93504 Kuching SARAWAK No. Telefon: 082-258 699 / 258 416 / 238 509 No. Faks: 082-243 978
JABATAN BANTUAN GUAMAN CAWANGAN MIRI Tingkat 13, Lot 97, Wisma Yulan Jalan Brooke, Peti Surat 2300 98008 Miri SARAWAK No Telefon : 085-423 606 No Faks : 085-425 204	**JABATAN BANTUAN GUAMAN CAWANGAN SIBU** Tingkat 10 (Section A), Wisma Vasty, Lot. No 445, Blok 5, No.15, Jalan Pulau 96000 Sibu SARAWAK No Telefon : 084-343 978 No Faks: 084-346 978\

LAMPIRAN D

		BILANGAN PELAJAR PADA SATU-SATU TEMPOH
JABATAN BANTUAN GUAMAN NEGERI	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	6
	SELANGOR	6
	JOHOR	6
	PULAU PINANG	5
	PAHANG	5
	PERAK	5
	KEDAH	5
	TERENGGANU	5
	KELANTAN	5
	SARAWAK	5
	SABAH	5
	PERLIS	4
	NEGERI SEMBILAN	4
	MELAKA	4
CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN	SIBU	2
	RAUB	2
	MIRI	2
	MUAR	2
	GUA MUSANG	2
	TAIPING	2
	LANGKAWI	2
	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	2